

15 AUG 1997

Hamid-Murtad

MURTAD BAGI YANG TOLAK HUKUM ISLAM, BUKAN YANG BINCANG LAKSANANYA

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Akidah umat Islam akan tergelincir apabila seseorang menolak atau menafikan hukum Islam tetapi tidak bagi orang yang percayakan hukum itu dan hanya mencari jalan terbaik untuk melaksanakannya bagi kepentingan negara, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata Perdana Menteri, menteri-menteri dan juga Majlis Tertinggi Umno tidak menolak hukum yang dikeluarkan oleh mufti-mufti bahawa pertandingan ratu cantik itu haram tetapi membincangkan bagaimana cara melaksanakannya.

Bagaimanapun berlaku kekeliruan di kalangan orang ramai apabila sebuah akhbar parti pembangkang, Harakah pada Isnin lepas menyiarkan kenyataan Mufti Selangor di bawah tajuk "Awat: Gelincir Akidah", katanya pada persidangan berita di pejabatnya di sini, hari ini.

Persidangan berita itu diadakan berikutan akhbar-akhbar melaporkan kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini yang menyebut bahawa ada pihak yang menghukum beliau hampir murtad kerana komennya mengenai cara pelaksanaan pengharaman ratu cantik itu.

Abdul Hamid berkata kenyataan Mufti Selangor (Datuk Haji Ishak Baharom) bahawa mereka yang menolak hukum Islam akan tergelincir akidahnya adalah tidak salah dan tidak bermasalah tetapi digunakan oleh akhbar berkenaan untuk mengelirukan orang ramai.

Beliau berkata berita itu tidak memetik mufti sebagai menyebut Perdana Menteri secara khusus tetapi hanya menyebutkan para pemimpin dan ketika perbincangan mengenai penyelarasan pelaksanaan hukum Islam sedang berlangsung, ia telah menimbulkan kekeliruan bagi umat Islam.

"Bila Perdana Menteri bincang bagaimana hendak perkemas pentadbiran hukum, orang ramai keliru kata Perdana Menteri telah menolak hukum.

"Soal tangkapan (tiga peserta pertandingan ratu cantik itu), soal pentadbiran yang dipersoalkan dan bukan hukumnya," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau menghubungi dan mendapatkan penjelasan Mufti Selangor, Abdul Hamid berkata tidak ada sebab baginya berbuat demikian kerana kenyataan mufti itu sudah jelas.

"Cuma orang ramai keliru seolah-olah Mufti Selangor buat fatwa bahawa Perdana Menteri murtad," katanya.

Abdul Hamid memberikan beberapa contoh kekeliruan yang pernah berlaku dalam suasana politik negara termasuk kes hukum Hudud, yang menurutnya, memang sesiapa yang menolaknya tergelincir akidah tetapi yang dibincangkan ialah bagaimana pelaksanaan terbaik hukum itu dan bukan menolaknya.

Beliau turut mengingatkan bahawa di Malaysia sekarang banyak provokasi sedang berlaku supaya umat Islam berpecah belah dan yang paling bahaya ialah tuduhan bahawa seseorang itu gugur imannya.

Katanya, institusi Mufti di negara ini banyak memberikan sumbangan ke arah pembangunan negara dan kerajaan tidak berhasrat untuk melemahkan institusi itu sebaliknya memperkemaskannya lagi.

"Penyelarasan ini bukan menyentuh kewibawaan ilmiah mufti-mufti," katanya.

Abdul Hamid berkata bahawa apabila mufti-mufti berunding dan mengeluarkan fatwa, kerajaan akan berbincang sama ada untuk mewartakannya bagi memberikannya kuasa undang-undang. -- BERNAMA

MNY AKD